

Qalam

Bilangan 95 Zulkaedah 1377, Jun 1958 70 sen.

Di Mana Keadilan

Berhubung dengan adanya perang saudara di Indonesia maka kerajaan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu telah menunjukkan yang mereka adalah berkecuali. Di dalam perkecualian itu nampaknya kerap kali Central Government (Jakarta) membuat acara-acara dengan mengadakan atau menimbulkan berita-berita yang boleh menjadi sebab untuk mendatangkan tuduhan-tuduhan bahawa kerajaan Singapura khususnya dan Persekutuan amnya menyebelahi pihak pemberontak, dan kerana itu, mengikut cara Komunis, harus diada-adakan berita dengan memberi upahan, ataupun keterangan-keterangan yang tidak bertanggungjawab untuk menggugurkan lawannya di Singapura ini supaya kerajaan Singapura mengawal kedatangan atau pemergian pihak revolusioner yang berjuang melawan mereka sekarang.

Harus dengan cara memburuk-burukkan itu, dengan cara Komunis, dapatlah mereka mendesak kerajaan Singapura mengharamkan terus ketibaan musuh-musuh mereka ke Singapura ini daripada keluar untuk mencari perlindungan dari kezaliman-kezaliman yang dilakukan ke atas musuh-musuh mereka yang berjuang untuk menegakkan keadilan. Cara yang dibuat oleh pusat (Jakarta) kepada Singapura dalam hal ini, semenjak belum berlaku perang saudara itu, ialah dengan ugutan-ugutan sehingga orang ramai di Singapura dapat mengambil faham seolah-olahnya Kementerian Luar Negeri Indonesia hendak mengontrol siasah kerajaan Singapura. Bukti dalam hal ini sudah terang bagaimana Sobandero menyelar Singapura dengan kebebasan akhbaranya, Bagaimana percubaan ugutan ekonomi sehingga yang akhir

sekali, mereka mengugut mengadakan pelabuhan bebas sampai Singapura tidak ada harganya.

Cara ugutan-ugutan ini patut diperhatikan oleh kerajaan Singapura dalam mereka menegakkan keadilan dan menegakkan perasaan peri manusia. Pada tahun 1945 hingga membawa kepada tahun 1949, dalam perjuangan kemerdekaan Indonesia dahulu orang-orang Indonesia yang masa itu belum diakui sebagai sebuah kerajaan sama ada dengan akuan de facto ataupun de jure, sedang Belanda masa itu sebagai sebuah kerajaan yang diakui dan diiktiraf dengan akuan de facto dan de jure, mereka (Indonesia) diberi kekuasaan untuk bergerak, bukan sahaja sebagai pelarian siasah tetapi juga diberi kebebasan-kebebasan bergerak sehingga diluluskan mengadakan pungutan paling merah Indonesia di Singapura dan di Persekutuan Tanah Melayu.

Kalau dahulu orang Belanda sebagai sahabat sedang orang-orang Indonesia hanya sebagai pemberontak yang menuntut kemerdekaan dibenarkan gerakannya dengan bebas maka kita suka menarik perhatian kerajaan Singapura khususnya apakah perbezaan kejadian ini dengan kejadian masa pemberontakan Indonesia dahulu? Kalau Belanda sebuah kerajaan yang bersahabat dan berikat di dalam suatu ikatan, orang-orang Indonesia masa itu dibenarkan bergerak di Singapura untuk mengadakan perlawanan terhadap muslihat-muslihatnya, maka tidaklah menjadi suatu kesalahan atau pun menjadi suatu perbuatan yang tidak adil pula kalau langkah serupa itu dahulu dijalankan kerana Republik tidak akan terdiri di Indonesia sekiranya mereka tidak melihat bahawa kerajaan yang berdasarkan komunis – yang ertinya bahawa kemerdekaan dan kebebasan bangsa Indonesia akan hapus dan dengan sendirinya pula akan menimbulkan bahaya-bahaya yang besar untuk keselamatan Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura iaitu kerajaan-kerajaan yang terang-terang anti-Komunis dan mengharamkan segala gerak langkah Komunis di negeri ini!

Bukti di dalam perkara ini sangat terang! Tuntutan pihak revolusioner bukannya satu perkara yang begitu besar tetapi hanya, sekali lagi hanya, menghendaki supaya Jemaah Menteri Juanda yang ditaja oleh Sukarno bersama-sama dengan Dewan Nasional dibubarkan. Kalau ini diterima tadinya

tentu mereka tidak akan menegakkan kerajaan Republik Revolusioner.

Sekarang, dalam perjuangan yang pertama di Sumatera Tengah, pihak pusat telah dapat menghapuskan perjuangan-perjuangan besar maka dengan sendirinya di Sumatera, tanah yang hampir sekali dengan Semenanjung Tanah Melayu ini, akan timbul lagi peristiwa-peristiwa berdarah yang terbit oleh perbuatan kezaliman. Pusat sudah tentu akan menangkap orang-orang yang disyak oleh mereka dari semua bangsa termasuk orang-orang Cina! Sudah tentu pula, sebagaimana biasa berlaku, cara-cara Komunis menghadapi musuh-musuhnya akan dilakukan iaitu perkosaan-perkosaan berjalan. Beberapa banyak sudah orang yang ditangkap dan terus ditembak. Dipukul disiat dagingnya, digantung kakinya ke atas sedang ia disiksa untuk membuat pengakuan. Berita-berita ini semuanya telah sampai kepada pengetahuan kita.

Professor Bahder Johan, mahaguru yang telah meletakkan jawatannya sebagai menunjukkan perasaan tidak puas hati atas langkahan-langkahan pusat melakukan kekerasan di dalam penyelesaian sekarang, telah ditangkap oleh tentera kemudian beliau dikatakan dipukul sebelum diperintahkan untuk ditahan di dalam tahanan rumah. Pukulan itu merosakkan otak beliau. Kemudian oleh pemuda-pemuda Bentan beliau dilarikan lalu dibawa ke kampung seterusnya ke Sumatera Tengah. (Penangkapan ini dinafikan oleh Jakarta tetapi menurut keterangan yang kita dapat benar beliau ada di Sumatera).

Sedangkan kepada orang-orang bebas dan utama seperti beliau dilakukan demikian oleh tentera Indonesia maka apa lagi kepada yang lain-lainnya yang sedang dikejar-kejar oleh tentera dan kerana itulah tempat yang hampir sekali bagi orang-orang seperti ini untuk tempat mereka berlindung daripada kezaliman-kezaliman dan penganiayaan ialah Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu maka kalau dahulu pelarian-pelarian siasah atau pelarian-pelarian bangsa Indonesia yang berjuang dengan Belanda dibenarkan berselindung di Singapura sebagai refugee daripada dikejar-kejar oleh Belanda, maka mengapa pula sekarang kerajaan Singapura tidak membukakan pintunya untuk tempat perlindungan pelarian-pelarian perang saudara yang menjauhkan dirinya daripada perbuatan-perbuatan kezaliman dan aniaya yang dilakukan oleh tentera Indonesia?

Keganasan tentera Indonesia terhadap musuh-musuh mereka yang terdiri daripada bangsanya sudah terang berlaku. Apa lagi sekarang ini apabila mereka mendirikan di dalam tentera itu orang-orang dari parti Komunis yang terang-terang sudah memusuhi Islam dan memandang orang-orang Islam di Indonesia itulah musuh mereka yang utama. Banyak kezaliman-kezaliman yang telah dilakukan terhadap mereka yang menuntut keadilan.

Menurut tafsiran ahli-ahli siasah Islam di Indonesia semenjak Sukarno memerintah lebih daripada 1,500,000 orang-orang Islam yang telah menjadi korban sama ada yang masih meringkuk di dalam penjara, yang ditembak begitu sahaja kerana dituduh tentera Islam, kerana dirompak dan semuanya oleh tentera dengan melakukan tengkapan lalu menuntut bayaran dan banyak perkosaan-perkosaan lagi yang hebat sekarang dipercayai lebih hebat lagi apabila Komunis berdiri di belakang Sukarno.

Insyallah pada satu masa kita akan menyiarkan berita-berita dasyat yang telah diderita oleh umat Islam Indonesia selama di bawah perintah Sukarno.

Oleh yang demikian, kita berharap kerajaan Singapura hendaklah membukakan pintunya kepada pelarian-pelarian siasah itu dengan memberi perlindungan kepada mereka daripada penganiayaan-penganiayaan kalau pun tidak seperti yang berlaku pada masa 1945-9 itu, tetapi berilah kelonggaran itu dengan cara peri kemanusiaan membantu orang-orang yang lemah yang terdesak dari tanah airnya sendiri dalam menegakkan satu cita-cita. Untuk menghancurkan communist di Indonesia.

Kita anjurkan memberi perlindungan ini ialah kerana kerajaan Singapura adalah mengutamakan peri kemanusiaan lebih daripada segala-galanya dan kepada mereka yang mencari perlindungan daripada buruan kerajaan pusat itu mestilah diperingatkan supaya mereka tidak akan membuat perkara-perkara yang melanggar undang-undang negeri ini.

* * *

Membantu Iktisad Orang Melayu

Suatu badan untuk menyiasat bagaimana caranya membantu iktisad orang-orang Melayu telah diadakan oleh majlis mesyuarat Persekutuan Tanah Melayu dalam sidangannya baru-baru ini. Tugas yang hendak dijalankan harus untuk